



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PENAJAAN BAGI PENGAJIAN SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN OLEH ASIA SCHOOL OF BUSINESS (ASB)

Asia School of Business (ASB) dengan kerjasama MIT Sloan Management telah membuka permohonan penajaan bagi pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan di Asia School of Business (ASB) secara sepenuh masa untuk tempoh 12 bulan. Maklumat lanjut pengajian adalah seperti brosur di **LAMPIRAN 1 (sila rujuk pengajian MBA sahaja)** manakala maklumat penajaan adalah sebagaimana di **LAMPIRAN 2**.

Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *nominating agency* bagi program ini mempelawa pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) yang berminat dan memenuhi syarat seperti di **LAMPIRAN A** untuk **memohon penajaan tersebut melalui Ketua Jabatan dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** masing-masing.

Pegawai P&P yang berminat dan berkelayakan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal penajaan.jpa.gov.my bermula **15 Januari hingga 27 Februari 2026**. Borang permohonan yang telah dilengkapkan secara dalam talian tersebut hendaklah dicetak, ditandatangani dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan PPSM masing-masing berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Semua permohonan yang disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh PPSM hendaklah dikemukakan dan diterima oleh pihak JPA **selewat- lewatnya pada 6 Mac 2026** sama ada melalui serahan tangan / pos melalui alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan)

Pegawai yang tidak menerima sebarang maklumbalas daripada pihak ASB **dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan** adalah tidak dipertimbangkan bagi program penajaan ini.

Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan / pencalonan bagi program ini adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Untuk maklumat / pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi talian **03-8885 3569 / 3991** atau **e-mel: penawaranldp@jpa.gov.my**.

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
15 Januari 2026

Nota:

1. Pegawai yang berminat dipelawa untuk mengikuti sesi penerangan secara dalam talian atau *Info Session* oleh ASB yang akan diadakan mengikut ketetapan seperti yang berikut:

(i)

Tarikh	: 20 Januari 2026 (Selasa)
Masa	: 12.30 – 1.30 tengah hari
Pautan	: https://apply.asb.edu.my/register/taklimat-program-ASB-MBA
Pendaftaran	: ASB-MBA

(ii)

Tarikh	: 12 Februari 2026 (Khamis)
Masa	: 12.30 tengah hari – 1.30 tengah hari
Pautan	: https://apply.asb.edu.my/register/taklimat-program-ASB-MBA-02
Pendaftaran	: ASB-MBA-02

E-mel jemputan dan pautan platform atas talian bagi Info Session oleh ASB akan diterima oleh tuan/puan setelah mendaftar melalui pautan di atas

2. Selain itu, pihak ASB turut menjemput pegawai yang berminat untuk hadir ke kampus ASB bagi menyertai *Masterclass* yang akan disampaikan oleh Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Dekan ASB, Prof. Joe Cherian. Maklumat lanjut serta pautan pendaftaran *Masterclass* tersebut boleh didapati melalui pautan berikut: https://adm.asb.edu.my/financialmarket_masterclass